



30 Oktober 2023

## KENYATAAN MEDIA PAC

### **LAPORAN PAC BERHUBUNG PENGURUSAN WABAK COVID-19: VAKSIN LUPUT TEMPOH HAYAT, PERALATAN VENTILATOR TIDAK DAPAT DIGUNAKAN DAN LEBIHAN *PERSONAL PROTECTIVE EQUIPMENT* (PPE) DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)**

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini membentangkan Laporan Pengurusan Wabak COVID-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan dan Lebihan *Personal Protective Equipment* (PPE) di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
2. PAC mengadakan 4 prosiding berhubung isu ini pada 15 Jun 2023, 22 Ogos 2023, 14 September 2023 dan 21 September 2023. Dalam prosiding berkenaan, saksi yang hadir di hadapan PAC adalah seperti berikut:
  - i. Dari KKM:
    - a) **YBhg. Dato' Sri Norazman bin Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan);**
    - b) **Dato' Seri Chen Chaw Min, Mantan Ketua Setiausaha;**
    - c) **Dato' Sri Mohd Shafiq bin Abdullah, Mantan Ketua Setiausaha;**  
dan
    - d) **Tan Sri Dato' Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, Mantan Ketua Pengarah.**

- ii. Dari PHARMANIAGA Berhad:
    - a) **Dato' Farshila Emran, Mantan Pengarah Urusan PHARMANIAGA Berhad;**
    - b) **Encik Izaddeen bin Daud, Pengerusi PHARMANIAGA; dan**
    - c) **Encik Mohamed Iqbal bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Operasi PHARMANIAGA.**
  - iii. **Datuk Seri Ir. Dr. Wee Kang Siong, Ahli Parlimen Ayer Itam merangkap mantan Menteri Pengangkutan; dan**
  - iv. **Encik Benjamin Low, Pengarah IDS Medical Systems (M) Sdn. Bhd.**
3. Mesyuarat penyediaan laporan ini dibuat pada 16,17 dan 18 Oktober 2023 dan turut hadir sama, tujuh ahli Ex-Officio PAC terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Ekonomi dan Jabatan Akauntan Negara yang bersetuju dengan laporan, rumusan dan syor.
4. Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Wabak COVID-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan dan Lebihan PPE di bawah KKM boleh memuat turun laporan berkenaan di laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac)

Sekian, terima kasih.

**YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin**  
**Pengerusi PAC Parlimen**